

10/07/2002

Konsep negara Islam BN lebih diterima

ALOR STAR, Selasa - Konsep negara Islam yang diketengahkan kerajaan Barisan Nasional (BN) lebih toleran dan diterima oleh masyarakat pelbagai kaum di negara ini, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, konsep negara Islam BN lebih diterima oleh bukan Islam berbanding yang diperkenalkan oleh Pas yang menyaksikan pakatan pembangkang berkecamuk.

"Malah, pengumuman negara Islam BN dilakukan dalam perhimpunan parti Gerakan, sekali gus menunjukkan penerimaan mereka," katanya pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Anak Bukit, malam ini.

Abdullah berkata, ini amat berbeza dengan pakatan pembangkang apabila hasrat Pas itu disambut dengan pengisytiharan keluar oleh DAP.

Turut hadir dan berucap adalah Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu; Naib Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting; Presiden PPP, Datuk M Kayveas dan Presiden IPF, M G Pandithan.

Abdullah berkata, pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu terus menambahkan kekukuhan BN dan mendapat sokongan rakyat.